

# **DIALOG DAN TOLERANSI AGAMA: KEPENTINGANNYA KEPADA MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA**

Rohaini binti Amin

Ayu Nor Azilah binti Mohamad

Nor Azlina binti Endut

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Kemampuan masyarakat majmuk hidup bermasyarakat secara toleransi dan harmoni telah menjadikan Malaysia mampu mengekalkan perpaduan dalam kalangan rakyatnya. Lebih 60 tahun negara ini berusaha melahirkan kesepadan bangsa yang boleh dilihat secara aktifnya dijalankan oleh pihak kerajaan. Meskipun begitu, masih kelihatan ketegangan dalam jalinan hubungan antara kaum di negara ini. Di sini, dialog dan toleransi beragama dilihat adalah merupakan salah satu cara penting menangani isu berkenaan. Bagaimana dialog boleh dijadikan kaedah penyelesaian kepada bibit-bibit kemelut kaum di Malaysia? Hal ini dimungkin jika kita memahami bahawasanya samada Melayu, Cina dan India serta etnik-etnik yang lain sebagai masyarakat Timur, kita sebenarnya memiliki pengalaman beratus tahun hidup bersama dengan kepelbaaan tamadun dan telah menjalani hidup secara harmoni dengan bertunjangkan nilai toleransi dan persefahaman. Peranan dialog boleh diperlihatkan dalam pelbagai perkara, khususnya dialog antara agama. Dialog antara agama adalah kesediaan dan keupayaan satu-satu kelompok agama itu memberi tindak balas terhadap sebarang masalah atau perkara berbangkit sama ada ia melibatkan kelompoknya sendiri ataupun orang lain. Di Malaysia, permasalahan antara kaum sering kali dilihat kerana perbezaan anutan agama sekaligus membawa perbezaan budaya dan perbezaan ini pula mampu menjadi jurang besar jika tidak diatasi dengan bijaksana. Namun, mencari titik-titik muafakat di antara rakyat Malaysia yang berbeza agama amat memerlukan toleransi, yang mana dalam toleransi beragama itu dituntut, amalan toleransi itu sendiri masih mampu mengekalkan ketulenan ajaran agama masing-masing. Perbincangan mengenai tajuk ini akan dikupas dalam pembentangan pada hari seminar.*

## **PENDAHULUAN**

Kemerdekaan yang diperolehi pada tahun 1957 oleh Tanah Melayu telah mewujudkan masyarakat majmuk sebagai teras rakyatnya. Kewujudan etnik-etnik Melayu, Cina dan India telah mevariasi lanskap penduduk negara kita ini. Kelestarian ini disemarakkan lagi apabila berlakunya pembentukan Malaysia pada tahun 1963 melalui penggabungan Semenanjung Tanah Melayu dengan Sabah, Sarawak dan Singapura. Namun, kedudukan Singapura tidak bertahan lama apabila dikeluarkan daripada Malaysia pada tahun 1965. Sehingga kini Malaysia adalah meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Apabila kita melihat masyarakat majmuk Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Malaysia seperti yang diwarisi daripada rupa bentuk masyarakat kolonial

British adalah masyarakat pelbagai budaya. Ini adalah kerana pengalaman hidup bersama sebagai masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia bukan bermula di titik kemerdekaan negara tetapi sebenarnya berlangsung sejak zaman penjajahan British.

Pada zaman penjajahan British itu, kepelbagaiannya budaya itu sengaja dipupuk dan kehidupan masyarakat sengaja dibiarkan berkembang dalam lingkungan budaya masing-masing. Hubungan langsung antara anggota pelbagai budaya berlaku sedikit sahaja. Proses sejarah yang berlaku ini telah menyebabkan pembinaan masyarakat Malaysia selepas merdeka mengalami pelbagai cabaran dan rintangan.

Cabarannya yang dihadapi di sepanjang dinamika peradaban negara ini telah dijelmakan melalui peristiwa pahit 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan antara kaum yang berlaku itu telah meninggalkan impak besar buat negara dan sekaligus telah menjadi titik tolak penting kepada pelbagai usaha dalam pelbagai aspek dan bidang yang bertujuan untuk melahirkan masyarakat Malaysia sebagai sebuah masyarakat yang bersatu padu, maka perpaduan diharapkan menjadi teras kepada pembinaan bangsa Malaysia.

### **KELUHURAN PERLEMBAGAAN NEGARA**

Perjanjian kemerdekaan telah melahirkan perlumbagaan negara yang dewasakini jarang dihayati dan kian luntur kefahaman sebenar tentang apa yang tersurat dan tersirat di dalamnya. Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat mempunyai asas-asas yang kukuh berlatarbelakangkan Melayu. Namun begitu, sehingga kini negara kita belum berwatak dan bersifat tempatan, jika dibandingkan dengan kejayaan Thailand yang mencerminkan nasionalisme kebudayaan Siamnya, Indonesia yang memancarkan keperibadian bangsa Indonesianya, atau mana-mana negara seperti India, Pakistan, Jerman, Perancis, Jepun, Korea, Turki atau Arab Saudi yang mencerminkan dominan bangsa yang sepatautnya dominan.

Suatu gerakan yang perlu sekarang, selepas 54 tahun sejak kemerdekaan pada tahun 1957, adalah kesediaan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dengan pelbagai kepercayaan, adat resam, dan bahasa pertuturan, menggembangkan tenaga menunaikan ikrar dan janji setia seperti mana sewaktu negara mencapai kemerdekaan. Apabila kini, semangat ikrar yang dikanunkan dalam sebuah perlumbagaan kian luntur, kefahaman kian tiada, semangat untuk bersama-sama memperjuangkan isi dan isu pentingnya tidak dirasai lagi, walhal ikrar itu menuntut kita hidup bersama-sama dalam aman damai, bersatu padu dan mempertahankan kedaulatan negara.

Pembinaan masyarakat melalui peranan kebudayaan masing-masing akhirnya akan membina sebuah bangsa yang bersatu padu sekiranya asas perjuangan asal dan sikap tolak ansur antara kepentingan masyarakat atau sesuatu kaum dapat dibezakan antara kepentingan negara. Rakyat harus tahu membezakan hak rakyat atau hak masyarakat daripada hak negara. Tidak semua hak masyarakat atau hak kaum akan menjadi hak negara, kerana hak negara sebagaimana yang dikanunkan dalam perlumbagaan akan mengatasi sifat masyarakat dan kaum. Jika semua kaum memahami perkara ini dengan jelas, sudah pasti tidak ada perkara-perkara sensitif diungkit, apatah lagi jika perkara itu bersangkutan paut dengan perlumbagaan negara, walhal, pembinaan perlumbagaan negara kita itu sendiri adalah terlalu murni, suatu permuafakan yang melibatkan antara kaum, satu kontrak sosial yang wajib dihormati.

Kontrak Sosial adalah satu istilah deskriptif dan tidak wujud sebagai kontrak di segi undang-undang. Ini adalah kontrak permuafakatan antara kaum Melayu dan bumiputera lain dengan kaum pendatang semasa negara hendak mencapai kemerdekaan 54 tahun lalu. Istilah kontrak sosial ini tidak ada di mana-mana pun. Ia adalah istilah deskriptif yang memberikan gambaran perhubungan orang Melayu dan bumiputera lainnya dengan orang lain sebagai pendatang pada masa dulu yang sekarang sudah dianggap penduduk kelahiran. Tetapi, masih ada pihak yang membangkitkan tentang kontrak sosial yang dianggap memberi kelebihan kepada orang Melayu. Hal ini bukan sahaja menyinggung orang Melayu dan kaum bumiputera lain malah meletakkan mereka dalam kedudukan yang terancam.

Menurut Datuk Profesor Zainal Kling, pada tahun 1946 masa perbincangan mengenai perlombagaan dibuat, terhasillah perundangan di mana orang yang lahir di negara ini adalah penduduk. Maka kini, pada pemikiran generasi muda mereka bukan lagi pendatang. Di sini wujud jurang persepsi yang amat besar. Bagi orang Melayu, kehadiran kaum bukan Melayu ditanggap sebagai ‘orang luar’ tetapi pada pihak lain yakni golongan bukan Melayu, mereka adalah penduduk kerana dilahir dan dibesarkan di negara ini. Perkara ini turut diperkatakan oleh Teo Kok Seng, seorang sarjana penting negara, iaitu, kaum Melayu rata-ratanya menganggap negara ini, walaupun sudah berubah daripada negara satu kaum kepada pelbagai kaum, adalah tetap negara Melayu. Justeru ia perlu melanjutkan kedominian Melayu. Ramai kaum bukan Melayu pula, mahu negara ini dianggap sebagai entiti yang baru wujud selepas mereka mula menghuni pada akhir abad ke 19, dan sesudah ikut berunding untuk memerdekaannya daripada British pada pertengahan abad ke 20. Mereka tidak bersetuju dengan pemberian hak istimewa kepada kaum Melayu. Bagi bukan Melayu, ia tidak selari dengan etos dan nilai sebuah negara demokratik pada zaman moden ini. Pandangan begini bukan sahaja tidak sejajar dengan perlombagaan, tetapi tidak menghormati kaum Melayu sebagai penduduk asal dan kaum dominan.

Perlombagaan negara yang memperuntukan Islam sebagai agama negara dan jaminan kebebasan beragama bagi setiap kelompok agama selain Islam turut memberikan jaminan bagi kerukunan hidup beragama di negara ini. Peruntukan perlombagaan dalam Perkara 3 (1) merupakan satu perkara yang patut difahami dengan jelas bahwasanya Islam sebagai agama Persekutuan telah mengiktiraf dari segi teori dan praktikal kepada mereka yang bukan Islam untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing dengan aman dan damai. Frasa aman dan damai dalam perkara 3 (1) itu bermaksud dalam pengamalan sesuatu agama bukan Islam hendaklah dipastikan yang ia tidak akan menimbulkan suasana huru hara, kekacauan dan tidak harmoni di dalam masyarakat, sama ada di kalangan pengikut agama bukan Islam mahu pun pengikut agama Islam.

Perlombagaan Persekutuan menjamin hak kebebasan beragama sebagaimana yang diperuntukan dalam Perkara 11 (1) Perlombagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hak kebebasan tersebut adalah tertakluk kepada peruntukan Perlombagaan Persekutuan seperti fasal (3), (4) dan (5) Perkara 11 dan undang-undang lain yang berkuatkuasa. Kesemua ini menunjukkan bagaimana Islam itu agama rahmah dan sangat toleran.

Menurut Dr. Khadijah Mohd Hambali di dalam satu kertas kerjanya iaitu Pendekatan Islam Dalam Menangani Kepelbagai Agama, ada menyebutkan enam prinsip toleransi berasaskan prinsip Islam agama rahmah berhubung sikap yang perlu diamalkan antara orang Islam dengan bukan Islam iaitu;

1. Jauhkan sifat paksaan dan kekerasan dalam pergaulan dan seruan nikmat Islam dan iman.
2. Tatacara kehidupan manusia, non Muslim bebas anut kepercayaan dan praktikkannya.
3. Islam iktiraf kemampuan manusia menggunakan akal memilih dan memilih benar dan batil.
4. Islam alukan nilai persahabatan selagi pihak berkenaan tiada prejudis dan tonjol sikap permusuhan.
5. Pendekatan meyakinkan kesucian Islam sewajarnya dilakukan secara berhikmah kecuali dalam hal-hal pihak berkenaan memperlihatkan permusuhan.
6. Islam memberikan ruang seluasnya kepada kekuatan intelek berhujah, berdiskusi untuk capai kebenaran dengan syarat melakukan kajian rencam/rinci. Kebenaran pasti terserah biarpun berbaur dengan kepalsuan.

Kesemua perkara di atas adalah pembuktian kepada keluhuran perlembagaan negara kepada semua kaum yang ada di Malaysia. Suasana seperti ini sangat sukar untuk dilihat di negara-negara lain di luar sana. Malah sering kali dipaparkan bagaimana negara-negara berkenaan mendiskriminasi Islam dan umat Islam yang bilangannya minoriti di negara-negara tersebut melalui pelbagai kaedah. Misalnya, Peranchis telah mengisyiharkan pengharaman ke atas pemakaian tudung di kalangan pelajar perempuan Islam ke sekolah, suatu perkara yang cukup jelas menafikan hak manusia untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing. Begitu juga isu Rohingya yang menjadi sorotan dunia masa kini kerana penindasan etnik yang dilakukan oleh negara tersebut atas faktor agama dan kewarganegaraan.

## DIALOG: AMALANNYA MALAYSIA

Perkataan ‘dialog’ ialah istilah bahasa Inggeris, *dialogue*. Maksud perkataan tersebut ialah: (1) *perbicaraan, perbualan, percakapan* (2) *pertukaran pendapat*, dan(3) *tanya jawab*. Berdasarkan maksud tersebut, dialog boleh diertikan sebagai “suatu percubaan antara dua belah pihak yang berlainan pendapat, kepercayaan atau pandangan untuk melakukan satu aktiviti pertukaran pendapat, dengan tujuan menambahkan pengetahuan, meningkatkan kefahaman dan seterusnya membolehkan wujudnya sikap saling memahami antara kedua-dua belah pihak”.

Dialog sering juga disebut dengan perkataan mujadalah, muzakarah, bertukar fikiran dan lain-lain perkataan yang tepat maksudnya. Melalui dialog yang dilakukan, diharapkan mereka juga mungkin dapat mempelajari sesuatu kebaikan yang terdapat antara kedua-dua belah pihak serta melenyapkan sebanyak mungkin keraguan yang timbul sebelumnya.

Dalam suasana Malaysia pada masa kini, toleransi antara kaum yang pelbagai boleh dilakukan melalui kaedah dialog. Dialog antara agama merupakan suatu pendekatan yang agak baru kerana belum menjadi suatu amalan yang luas khususnya di kalangan majoriti umat Islam di negara ini. Namun, jika difahami pengertian dialog dalam konteks yang lebih umum dan longgar, aktiviti yang melibatkan interaksi dan komunikasi antara kaum

berlainan agama dalam hal-hal ekonomi dan sosial memang sudah berlaku sejak dahulu lagi. Contohnya program muhibbah di taman-taman perumahan, konsep ‘rumah terbuka’ dan ‘kongsi raya’.

Di Malaysia, permasalahan antara kaum sering kali dilihat kerana perbezaan anutan agama sekaligus membawa perbezaan budaya dan perbezaan ini pula mampu menjadi jurang besar jika tidak diatasi dengan bijaksana. Namun, mencari titik-titik muafakat di antara rakyat Malaysia yang berbeza agama amat memerlukan keterbukaan, yang mana dalam keterbukaan itu dituntut, keterbukaan itu sendiri masih mampu mengekalkan ketulenan ajaran agama masing-masing. Walaupun, ada beberapa program *interfaith* atau *interreligious dialogue* dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan, tetapi hakikatnya ia hanya merupakan pertemuan minda dari berbagai-bagai pihak, dan pada umumnya ia tidak membawa sebarang hasil yang konkret. Oleh itu, melalui penjelasan ini, secara jujur, dialog antara agama dalam erti kata yang sebenar belum pun bermula.

Bagi negara bernama Malaysia, pengalaman dialog antara agama pada hakikatnya belum mencapai tahap yang signifikan. Menurut Dr. Ghazali Basri, ketiadaan sebuah badan bukan kerajaan yang mengendalikan aktiviti dialog antara agama inilah yang mendorong Gereja Roman Catholic menubuhkan *The Bishop's Institute of Inter-Religious Affairs* (BIIRA) selepas 1969 dan bekerjasama erat dengan ALIRAN yang dipimpin oleh Dr. Chandra Muzaffar. Sebuah lagi Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia yang terdiri daripada Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (*The Malaysian Consultative Council for the Buddhists, Christians, Hindus and Sikhs* – MCCBCHS), namun ianya tidak disertai oleh agama Islam.

Selain organisasi di atas ada beberapa pertubuhan yang mungkin dapat disebut berdasarkan keterlibatan sama mereka dengan aktiviti diaolog antara agama. Antaranya ABIM dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Sebuah lagi organisasi ialah Pure Life Society diasas oleh Swami Sathyananda yang turut disertai oleh beberapa tokoh Muslim bagi menjayakan aktiviti *interfaith*nya. Tidak dinafikan juga peranan institusi pengajian tinggi kerajaan dalam mempromosikan kepentingan dialog antara agama dengan penubuhan unit penyelidikan dan pengajaran perbandingan agama misalnya di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa dan juga penubuhan Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya. Ini menunjukkan terdapatnya usaha-usaha sesetengah pihak bagi menjayakan dialog antara agama di negara ini.

Apa yang kita perlukan pada saat ini ialah program dialog antara agama dalam pengertian sebenarnya. Pengertian dialog antara agama itu sendiri iaitu kesediaan dan keupayaan untuk merespon terhadap perkara-perkara berbangkit yang menyangkut keperluan kepentingan setiap kelompok beragama yang semestinya memerlukan kejujuran serta keikhlasan kedua-dua pihak tanpa menyembunyikan agenda-agenda tersirat. Oleh kerana itu, dialog antara agama bukanlah dakwah atau *mission*. Selain itu juga para pendialog berkemampuan ilmu pengetahuan terhadap isu-isu berbangkit yakni memahami citra agama rakan dialognya selain daripada memahami citra agamanya sendiri.

## **CABARAN-CABARAN DIALOG ANTARA AGAMA**

Pertama, cabaran yang paling besar adalah sikap eksklusif dalam hidup beragama. Apabila kita beragama, sikap eksklusif itu pasti ada iaitu mengklaim bahawa agamanya yang benar dan menafikan kebenaran yang ada pada agama orang lain. Sikap ini ada pada semua orang beragama. Sebenarnya untuk bersikap eksklusif tidak mengapa kerana sifat agama itu sendiri memang begitu tetapi sikap eksklusif itu mesti dikawal dan dididik agar tidak keterlaluan sehingga menimbulkan suasana curiga dan hilang kepercayaan, apatah lagi disertakan dengan niat provokasi dalam interaksi sehari-hari di kalangan pengikut berlainan agama. Sikap eksklusif ini boleh dilihat pada dua macam iaitu yang pertama, dogmatik dan kedua, rasional. Yang amat dialukan ialah yang bersifat rasional. Dan di sinilah perlunya dialog antara agama.

Cabaran kedua ialah sikap inklusif, lahir daripada tindak balas terhadap mereka yang bersikap eksklusif. Mereka yang bersikap inklusif ini berpendirian untuk menyamakan semua agama bukan sahaja dari segi bentuknya bahkan juga dari segi esensinya. Setiap kelompok beragama perlu mempertahankan tradisi keagamaan masing-masing dengan tidak mencairkannya atas dasar toleransi, yakni masing-masing daripada kita biarlah menjadi orang yang taat beragama dalam tradisi agamanya. Mereka yang bersikap inklusif ini walaupun bilangannya adalah sedikit, namun untuk menjaga ketulenan ajaran agama masing-masing, ia perlulah ditolak.

Cabaran ketiga pula adalah cabaran yang datang dari kelompok agama masing-masing. Cabaran ini sangat dirasai oleh umat Islam di Malaysia, khususnya mereka yang tidak menyenangi dialog antara agama yang dimungkinkan oleh faktor kurangnya pengetahuan dan maklumat di kalangan mereka. Dialog antara agama dilihat seperti satu tindakan untuk ‘menggadaikan’ agama dan juga disebut sebagai tindakan yang tidak berfaedah.

Keempat, cabaran yang wujud di kalangan ramai orang yang kurang kesedaran tentang betapa pentingnya kehidupan beragama yang harmoni. Kelompok manusia ini tidak menganggap dialog antara agama sebagai perkara penting dan penttu di dalam memastikan agenda pembangunan negara dan bangsa Malaysia kerana selesa dengan kehidupan yang sedia ada.

## **NILAI TOLERANSI**

Sikap eksklusif yang boleh dilihat pada mana-mana pengikut agama yang pelbagai di Malaysia sama ada Islam, Buddha, Hindu, Sikh dan Kristian di dalam mengamalkan ajaran agama masing-masing boleh membawa kesan negatif kepada perpaduan di Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sikap eksklusif yang wujud ini adalah sebagai fenomenon sejati manusia (*fitriy*), namun begitu adalah diharapkan agar ciri-ciri eksklusif ini tidak bertukar menjadi fahaman sempit sehingga membentuk fahaman eksklusivisme agama (*religious exclusivism*).

Mempertahankan ajaran agama masing-masing memang perlu dilakukan demi menjaga kemurnian ajaran agama yang menjadi anutan supaya tidak luntur dan berbaur. Namun seharusnya fahaman atau sikap eksklusif ini terbatas pada hal-hal yang bersangkutan dengan akidah dan nilai sakral sahaja, dan tidak pada aspek yang lain khususnya pada suasana kepelbagai agama di Malaysia. Ini adalah kerana tindakan eksklusif yang sempit melalui tindakan yang menafikan atau memperkecilkan hak orang lain, sudah pasti akan

membawa kepada persengketaan dan boleh menggugat perpaduan negara. Perlu jelas di sini bahawa sebagai orang beragama kita menerima sifat atau ciri eksklusif dalam beragama tetapi kita mesti menolak fahaman eksklusivisme dalam beragama. Umpamanya kita sebagai manusia menerima hakikat memerlukan benda (material) dalam kehidupan tetapi menolak konsep kebendaan (materialistik).

Dalam konteks Malaysia, menurut Dr. Ghazali Basri, pertengahan dan penghujung tahun 80-an, telah diperlihatkan suasana pengislahan (reform) Islam di Malaysia dengan slogan ‘gelombang kebangkitan Islam’ hasil daripada revolusi Iran yang berlaku di penghujung tahun 70-an. Revolusi Iran ini memberi impak besar kepada umat Islam di seluruh dunia dan Malaysia juga tidak terkecuali. Keadaan ini diperlihatkan melalui kegiatan badan-badan dakwah seperti ABIM, PERKIM, Arqam, Jemaat Tablighi dan lain-lain lagi. Hal yang berlaku ini secara tidak langsung telah mempengaruhi kelompok agama lain untuk bertindak sama melalui penganut-penganut Buddha, Hindu dan Kristian. Kesan langsung daripada apa yang berlaku ini adalah peningkatan darjah fahaman eksklusivisme di kalangan kelompok berlainan agama. Keadaan ini jika tidak didepani dengan hikmah dan bijaksana akan pasti melahirkan puak pelampau agama yang boleh mencetuskan persengketaan dan pergaduhan di negara ini.

Oleh itu keterbukaan dan toleransi dalam dialog antara agama sangat diperlukan di Malaysia ini. Mempertahankan sikap eksklusivisme yang rasional adalah tidak dihalang. ‘Rasional’ di sini adalah kewujudan ruang untuk berinteraksi samada dalam bentuk minda-intelek maupun dalam bentuk tindakan dalam semua urusan kehidupan.

Untuk tujuan memperjelas serta memberi keyakinan mendalam terutama kepada umat Islam, pendekatan yang terbaik adalah kesediaan penganutnya untuk memeriksa seluruh ajaran Islam secara syumuliah. Dalam erti kata lain, isu-isu tersebut harus dilihat dalam konteks keuniversalan mesej Islam. Perkara ini juga turut dipertegaskan oleh Dr. Hazizan Md. Noon yang menyebut bahawa ciri-ciri khusus agama Islam serta prinsip-prinsip umum dan ajaran khusus al-Quran terutama yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat membolehkan Islam dilaksanakan pada setiap masa dan tempat. Di sinilah relevannya ciri *murunah* Islam yang mengakar pada ajarannya yang tetap (*thubut*) yang berkaitan dengan soal-soal aqidah, ibadah dan lain-lain lagi.

Menurut beliau lagi, Tasawwur Islam merupakan kerangka metafizikal besar yang amat penting terbina daripada kefahaman konsep-konsep utama berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah seperti konsep Ketuhanan, konsep alam, konsep manusia dan konsep ilmu. Tasawwur Islam antara lain membolehkan seseorang menformulasikan konsep-konsep seperti konsep keadilan sosial berdasarkan kepada ajaran asas atau mendapat inspirasi daripada kedua-dua sumber di atas sambil dipandu oleh kerangka tasawwur yang besar ini. Malah dengan tasawwur ini, pandangan Islam tentang sesuatu isu spesifik boleh dijelaskan dengan mudah kerana pandangan spesifik Islam itu dinaungi oleh satu kerangka pandangan alam yang holistic dan serba mencakupi. Idea-idea dan teori-teori baru yang dibina dan diperkenalkan oleh ilmuan Islam berkaitan sesuatu perkara boleh dikatakan berada dalam lingkungan kerangka besar Rabbani ini. Dengan kata lain, tasawwur Islam membantu seseorang melihat kaitan sesuatu konsep atau isu yang dibincangkan itu dengan Islam secara konsisten dan koheren terutama pada peringkat konseptual dan teoritikal.

Oleh itu, perkara penting yang perlu menjadi asas di sini dalam mendekati kaedah keterbukaan dan toleransi, pertama, hakikat kepada kewujudan umat manusia terdiri daripada berbagai-bagai jenis bangsa, kaum, puak sebagai sesuatu yang ditentukan menurut ketentuan Allah S.W.T. yang boleh dirujuk kepada maksud al-Quran surah 49 al-Hujurat ayat 13.

Kedua, berdasarkan maksud al-Quran surah 11 (Hud), ayat 118, jika sekiranya Tuhan hendak menjadikan umat manusia pada satu bangsa dan satu agama sahaja, pasti Tuhan boleh lakukannya. Namun Tuhan tidak menjadikannya demikian, malah dengan izin-Nya, wujud kemajmukan manusia dan agama.

Ketiga, berdasarkan dua perkara di atas, Islam bersikap terbuka kepada agama-agama lain. Sikap keterbukaan Islam terhadap agama-agama lain ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada sifat keuniversalan Islam. Aspek keterbukaan Islam seharusnya terserlah dalam seluruh aspek kehidupan beragama bukan sahaja yang menyangkut persoalan-persoalan kaum seagamanya bahkan juga dengan kelompok-kelompok agama yang lain. Keterbukaan Islam menganjurkan umatnya senantiasa bersedia mendengar, mempelajari serta mengambil iktibar daripada pengalaman orang lain dengan tujuan mempertingkatkan daya kefahaman terhadap agama anutannya.

### **PEMUPUKAN NILAI-NILAI SEPUNYA MENERUSI DIALOG AGAMA**

Diperjelaskan lagi konsep keterbukaan dengan membawa contoh-contoh yang dialami oleh setiap agama yang menjadi anutan satu-satu kelompok manusia dan bagaimana respon Islam terhadapnya. Untuk tujuan ini kita ambil tema ‘kasih sayang’ yang terdapat pada agama-agama berikut;

#### **Islam**

“Katakanlah: *Hai hamba-hamba-Ku yang beriman, bertaqwalah kepada Tuhanmu*”. Orang-orang yang berbuat baik di dunia ini memperoleh kebaikan – (al-Quran 39:10) Dan maksud hadis: *Orang yang paling baik adalah orang yang paling bermanfaat terhadap orang lain* – hadis riwayat Bukhari.

#### **Kristian**

“*Janganlah seseorang itu memperagakan kebaikan dirinya sahaja, tetapi mengabaikan jirannya*” – (Corinthians 10:24)

#### **Agama Sikh**

“*Tanpa khidmat yang ikhlas, takkan tercapai matlamat suci, khidmat suci, hanya ada perbuatan yang ikhlas*” – Adi Granth, Maru.1.hlm 992.

#### **Ajaran Kung Fu Tze**

“*Orang yang berakhhlak mulia apabila ia mahu membentuk dirinya, akan juga membentuk orang lain; jika sekiranya ia mahu memperkayakan dirinya ia juga berusaha memperkayakan orang lain*” – Analects 6.82.2.

### Ajaran Tao

*“Seorang pendeta tidak akan mengumpul hartanya untuk dirinya, lagi banyak ia berbakti untuk orang lain lagi banyak ia memperoleh untuk dirinya. Jalan ke syurga ialah dengan usaha untuk memberi manfaat kepada orang lain, bukan dengan menyakitinya” – Tao Te Ching 81.*

### Hindu

*“Budiman yang tidak mengharapkan balasan diumpamakan bagi awan yang membawa hujan” Karya Agung Tamil Thirukkural, (1999) hlm.296.*

*“Insan mulia tidak membala dendam walaupun dirinya dianiayai orang”*  
– Thirukkural, hlm.296.

Nilai-nilai universal seperti kasih sayang, tolong menolong, kejujuran dan hormat menghormati memang terdapat pada semua agama. Perbezaan mungkin hanya pada penekanan dan analogi yang digunakan. Dalam konteks di Malaysia, adalah sangat baik jika semua kelompok agama yang berbilang kaum ini berusaha mempelajari amalan agama orang lain di samping memperdalam agamanya sendiri supaya melahirkan sikap terbuka dan toleransi antara satu sama lain. Lebih indah lagi dalam usaha mengekalkan perpaduan yang ada di negara ini, sangat harmonis jika setiap orang dapat mengamalkan budaya hormat menghormati dan kasih sayang menurut ajaran gama masing-masing.

Dialog ini bertujuan memperjuangkan masyarakat yang lebih adil, lebih merdeka, lebih manusiawi. Bentuk dialog berdasarkan pengalaman keagamaan yang meletakkan peranan agama dalam setiap konteks persoalan global seperti alam sekitar, perperangan, moral, hak asasi manusia dan keadilan yang dihadapi oleh bangsa manusia pada abad ke-21. Manakala perwatakan dialog merupakan suatu percakapan antara dua pihak atau lebih, yang mengandungi unsur keterbukaan, sikap kritis dan keupayaan untuk saling mendengar, saling belajar dan memahami antara satu sama lain secara mendalam. Peserta dialog mestilah mempunyai sikap keterbukaan, iaitu kedua-dua belah pihak atau lebih yang terlibat dalam dialog tersebut mestilah bersedia untuk mendengar.

Keterbukaan dan kejujuran dalam dialog merupakan syarat yang amat penting. Perbezaan pendapat dalam dialog adalah wajar, malahan perbezaan itulah yang menimbulkan dialog. Tetapi perbezaan pendapat itu tidak boleh dianggap sebagai alasan untuk menempatkan suatu keputusan dan memberikan penilaian yang berat sebelah. Tegasnya, dialog menuntut kedua-dua belah pihak memilih untuk bekerjasama daripada berkonfrontasi dan saling menyalahkan dan mengalahkan.

Wifred Cartwell Smith seorang pemikir terkemuka yang juga merangkap Ketua Pengarah Centre for the Study of World Religion di Harvard mengatakan bahawa, “misi dan dialog itu akan saling bertemu dan ini merupakan tugas dan kepentingan kita untuk mengakuinya. Masanya telah tiba untuk kita saling memahami, menghormati dan membantu antara satu sama lain bagi mencipta dunia yang dapat diterima. Dengan demikian misi kita saat ini adalah untuk bekerjasama dengan seluruh umat manusia”.

Kewujudan masyarakat majmuk adalah suatu sunnah llahiah yang merupakan manifestasi kekuasaan dan kehendak Tuhan yang tidak boleh dijadikan alasan oleh manusia untuk tidak memikirkan satu bentuk hubungan yang harmoni. Sebagai manusia yang beragama,

diwajibkan antara kedua-dua golongan masyarakat seperti Islam, Buddha, Hindu dan Kristian yang berbeza itu untuk saling kenal mengenal sebagai memenuhi tuntutan kehidupan. Percubaan untuk memahami hubungan antara agama bukanlah merupakan sesuatu yang baru dalam sejarah peradaban dunia. Sejarah Islam itu sendiri memberi satu bentuk hubungan yang akrab antara penganut bukan Islam dan ini dapat diperhatikan melalui kehidupan masyarakat bukan Islam dalam Piagam Madinah. Malah Islam tetap menganggap bahawa setiap manusia berhak memilih jalan hidup dan kepercayaan masing-masing sebagaimana resam manusia itu sendiri yang diciptakan secara berpuak-puak. Tujuannya ialah untuk saling kenal mengenali dan menjalinkan hubungan baik bukannya serang menyerang atau fitnah.

Maka di sini, dialog tersebut bertujuan untuk cuba memahami beberapa persamaan atau nilai-nilai yang terdapat pada pelbagai agama kerana dengan cara itu hubungan antara pelbagai pihak menjadi lebih akrab. Dialog peradaban adalah suatu perbincangan yang dilakukan oleh dua pihak atau lebih, yang mempunyai pandangan yang berbeza. Tujuan utamanya adalah untuk saling belajar antara satu sama lain sehingga pihak masing-masing dapat mengubah pandangannya dan meningkatkan kefahaman agamanya. Dialog bukanlah satu pendebatan. Dalam dialog ini kejujuran amat penting dalam menghadapi perbezaan-perbezaan asas dan bersama-sama mencari suatu kebenaran yang tidak sepenuhnya dimiliki oleh mana-mana kelompok, kerana kebenaran yang hakiki itu hanya ada di sisi Allah s.w.t.

## **KESIMPULAN**

Malaysia belum begitu teruji dan diuji sejauhmana kekentalan toleransi beragama dalam kalangan warganya. Perkara utama di sini, adalah kewajaran mewujudkan persefahaman, muafakat dan kesedaran untuk sentiasa bekerjasama demi menjaga hubungan yang harmonis antara umat pelbagai agama di negara ini. Namun begitu amalan toleransi semata tidak menjamin hubungan yang tulin, masih perlu wajar untuk bijak memilih dan memilih agar toleransi beragama yang diamalkan sepatutnya tidak merugikan, merosakkan dan menjatuhkan kehormatan diri umat Islam secara keseluruhannya. Apatah lagi prinsip kerukunan, keharmonian, keadilan, kasih sayang, kerjasama dan muafakat adalah hak Islam yang rahmah kepada seluruh alam. Semoga ini dapat memberikan kesedaran ke arah hubungan umat beragama secara padu.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- A.Aziz Deraman. 1992. Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur : Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- A.Aziz Deraman. 2000. Tamadun Melayu Dan Pembinaan Bangsa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Aziz Deraman. 2005. Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

### **Kertas Kerja**

Profesor Madya Dr. Hazizan Md. Noon. Keadilan Sosial Menurut Perspektif Islam Dan Hubungannya Dengan Konsep 1 Malaysia untuk Seminar 1 Malaysia: Pendekatan Islam Dalam Menangani Kepelbagai Agama.

Profesor Madya Dr. Khadijah Mohd Hambali. Islam Agama Rahmah Dan Budaya Toleransi Beragama Di Malaysia untuk Seminar 1 Malaysia: Pendekatan Islam Dalam Menangani Kepelbagaian Agama.  
Tuan Haji Mahamad Naser Disa. Kebebasan Beragama di Malaysia: Suatu Penilaian untuk Seminar 1 Malaysia: Pendekatan Islam Dalam Menangani Kepelbagaian Agama.

**Akbar**

Datuk Profesor Zainal Kling. Jangan Ada Prasangka. Mingguan Malaysia, 23 Disember 2007.

Dr. Ghazali Basri. Toleransi Melalui Dialog. Mingguan Malaysia. 19 Februari 2006.

Dr. Ghazali Basri. Keterbukaan Kunci Keharmonian.

Teo Kok Seong. Jangan Ungkit, Pertikai Kontrak Sosial. Berita Harian. 29 September 2010.